

Prosedur terkini bagi warganegara Malaysia yang ingin ke luar negara



TIDAK DIBENARKAN

- Melancong dan bercuti
- Lawatan biasa ke atas ahli keluarga

PERLU MEMOHON

Melalui sistem MyTravelPass (<https://mtp.imi.gov.my/>)

- Baru mendapat tawaran kerja
- Baru mendapat tawaran belajar
- Pelajar yang ingin mengambil peperiksaan
- Menghadiri mesyuarat/seminar/pameran/urusan perniagaan
- Urusan kecemasan

TIDAK PERLU MEMOHON

Dikehendaki menunjukkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pegawai imigresen ketika hendak keluar

- Diplomat dan petugas di kedutaan Malaysia yang ingin bertugas di luar negara termasuk tanggungan
- Pelajar sedia ada/menyambung pengajian
- Pemegang pas jangka panjang di luar negara (pemastautin tetap/pas residen/pas kerja dan lain-lain)

Jabatan Imigresen perkemas prosedur ke luar negara

Putrajaya: Rakyat Malaysia yang berhasrat ke luar negara, perlu memastikan memenuhi syarat yang dikemaskini oleh Jabatan Imigresen.

Berdasarkan prosedur kemas kini ini, Jabatan Imigresen membahagikan syarat berkenaan kepada tiga kategori.

Menerusi perkongsian Majlis Keselamatan Negara (MKN), tiga kategori itu ditetapkan bagi memudahkan urusan individu yang ingin ke luar negara sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sama ada perlu memohon kebenaran imigresen atau sebaliknya.

Bagaimanapun, berdasarkan kategori itu, warga Malaysia yang berhasrat bercuti, melan-

cong atau mengadakan lawatan biasa terhadap ahli keluarga yang menetap di luar negara, masih tidak dibenarkan.

Kategori yang perlu memohon kebenaran menerusi sistem MyTravelPass (<https://mtp.imi.gov.my/>) sebelum ke luar negara adalah mereka yang baru mendapat tawaran kerja atau melanjutkan pelajaran; pelajar yang ingin mengambil peperiksaan, menghadiri mesyuarat, seminar, pameran atau urusan perniagaan serta kecemasan.

Bagi individu yang mendapat peluang ke luar negara daripada Jabatan Imigresen menerusi kategori itu, kelulusan yang diberi hanya untuk perjalanan sehala dan perlu mengemukakan per-

mohonan baharu bagi perjalanan seterusnya.

Kategori kedua pula tidak perlu memohon dengan Jabatan Imigresen untuk ke luar negara, sebaliknya hanya perlu menunjukkan dokumen sokongan berkaitan kepada pegawai yang bertugas ketika di lapangan terbang.

Individu yang tersenarai dalam kategori kedua itu ialah diplomat serta petugas kedutaan yang bertugas di luar negara termasuk tanggungan; pelajar sedia ada atau yang sedang menyambung pengajian serta pemegang pas jangka panjang di luar negara, termasuk pemastautin tetap, mempunyai pas residen serta pas kerja.